

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HSM 312 - Sejarah Politik Malaysia sejak Pendudukan Jepun

Tarikh: 3 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.  
( 3 jam )

Jawab TIGA(3) soalan.

1. "Dengan menghancurkan order kolonialisme lama, pendudukan Jepun telah mempercepatkan proses melalui mana kecenderungan dan konflik yang sedia ada sebelum perang menjadi nyata dan terbuka dalam keadaan selepas perang". Bincangkan.
2. Setujukah anda dengan pendapat bahawa 1946-1948 adalah tempuh masa terpenting dalam kemunculan pergerakan nasionalisme di Malaysia? Mengapa?
3. Sejauh manakah anda dapat menerima pendapat M. Stenson bahawa dengan menarik balik gagasan Malayan Union, British dapat memperkuatkan kewibawaan mereka dengan menjamin asas sokongan yang boleh dipercayai, akan tetapi langkah itu tidak menyelesaikan masalah politik yang terdapat dalam masyarakat Tanah Melayu ketika itu?
4. Mengikut Tun Mohd. Suffian, setiap peruntukan dalam Perlembagaan Merdeka yang menguntungkan orang Melayu telah diseimbangkan dengan peruntukan yang liberal bagi orang bukan-Melayu. Bincangkan dan nilaiakan cara-cara bagaimana penyeimbangan demikian dilakukan dalam Perlembagaan Merdeka.
5. R.K. Vasil berpendapat bahawa sebab utama parti politik berbilang kaum telah gagal adalah kerana mereka tidak berjaya mendapat sokongan masyarakat Melayu. Bincangkan dan nilaiakan pandangan ini dengan memilih dua contoh parti politik berbilang kaum, satu di Semenanjung dan satu lagi di Sabah atau Sarawak, bagi tempuh masa sebelum 1969.

6. Bagi Tunku Abdul Rahman, "gagasan Malaysia itu sudah pun membawa maksud untuk menamatkan kolonialisme dalam wilayah ini dengan cara yang damai dan konstruktif". Tetapi mengikut Mohd. Noordin Sopiee, Malaysia dicadangkan sebenarnya untuk menyelesaikan masalah percantuman antara Singapura dan Tanah Melayu. Bincangkan dan nilaikan faktor-faktor utama yang, pada pendapat anda, telah membawa kepada penubuhan Malaysia yang mengandungi Sabah dan Sarawak disamping Singapura, pada tahun 1963.

-ooo000ooo-